

PERNIAGAAN T4 (PECUTAN AKHIR SPM 2022)

BAB 1: TUJUAN PERNIAGAAN & PEMILIKAN PERNIAGAAN

ORGANISASI BUKAN BERMOTIFKAN UNTUNG (OBBU)

- 1 (a)** Jelaskan matlamat penubuhan organisasi bukan bermotifkan keuntungan.

[2 markah]

1(a)	H1	Untuk meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan	1
	H2	Memberi peluang semua pihak membantu masyarakat yang kurang berkemampuan	1
	H3	Membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan/pendidikan/ rawatan/kaunseling	1
	H4	Membela nasib golongan kurang berkemampuan/ nasib terbela/menjamin masa depan lebih baik	1
	H5	Membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan barang/keperluan asas	1
			[Mak 2 m]

- 1 (a)** Jelaskan kesan kewujudan organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU).

[3 markah]

1(a)	H1	Memenuhi keperluan masyarakat/pihak yang memerlukan	1
	H1a	Mendapatkan perkhidmatan perlindungan/rawatan/pendidikan/kaunseling	1
	H2	Meningkatkan kesejahteraan negara/memberi ketenteraman	1
	H3	Meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan/kebajikan	1
	H4	Memberi peluang kepada pihak tertentu/NGO untuk terlibat dalam membantu masyarakat yang kurang berkemampuan	1
	H5	Memastikan nasib pihak yang memerlukan bantuan terus terbela/terpelihara	1
			[Mak. 3 m]

(b) Gambar 1 menunjukkan jenis organisasi perniagaan.



Gambar 1

- (i) Namakan jenis organisasi perniagaan tersebut. [1 *markah*]
 (ii) Berikan **tiga** kaedah perniagaan yang digunakan oleh Organisasi tersebut. [3 *markah*]

Organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)	1 Maks 1m
Tiga kaedah perniagaan OBBU: F1 Secara Percuma F2 Jualan Pada Harga Kos F3 Jualan Pada Harga di Bawah Kos	1 1 1 Maks 3m

KELEBIHAN & KEKURANGAN PERNIAGAAN MILIKAN TUNGGAL

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Restoran Buluh Perindu.

- Mempunyai 2 orang tukang masak dan 3 orang pelayan restoran
- Diuruskan oleh pemilik restoran, iaitu Puan Sharifah

- a) Nyatakan jenis milikan perniagaan Restoran Buluh Perindu. (1 *markah*)
 b) Apakah kelebihan dan kekurangan jenis milikan perniagaan tersebut? (6 *markah*)

1	A) MILIKAN TUNGGAL B) KELEBIHAN - MUDAH DITUBUHKAN - BEBAS MENGURUS PERNIAGAAN - BEBANAN CUKAI YANG RENDAH - MUDAH DIURUSKAN KERANA SAIZNYA KECIL - MODAL KECIL DAN TIDAK BANYAK SYARAT - PEMILIK HANYA PERLU BAYAR CUKAI INDIVIDU KEKURANGAN - DIURUSKAN SECARA BERSEORANGAN - SUKAR UNTUK BERKEMBANG KERANA MODAL KECIL - SEMUA BEBANAN KERJA DITANGGUNG OLEH PEMILIK - PERNIAGAAN TIDAK BERTERUSAN - SUKAR BERKONGSI KEPAKARAN - RESIKO PERNIAGAAN DITUTUP JIKA PEMILIK PERNIAGAAN MATI - PEMILIK MENANGGUNG LIABILITI TIDAK TERHAD	1M 6M
---	--	---------------------

1 (a) Gambar 1 berkaitan dengan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

- (i) Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kekurangan bentuk pemilikan di 1(a)(i). [4 markah]

1(a)(i)	F	Milikan Tunggal	[1 m]
1(a)(ii)	H1	Diuruskan sendiri / seorang diri	1
	H2	Sukar untuk mengembangkan perniagaan	1
	H3	Modal kecil / terhad	1
	H4	Perniagaan tidak berterusan	1
	H4a	Perniagaan ditutup jika pemilik meninggal dunia	1
	H5	Tiada perkongsian kepakaran / kemahiran / idea	1
	H6	Menanggung liabiliti tidak terhad	1
	H6a	Melibatkan harta peribadi / melebihi modal yang dilaburkan	1
			[Mak. 4 m]

(b) Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Encik Lim dengan Encik Fadli.

Saya cadangkan kita menubuhkan perniagaan baru dengan mencari beberapa rakan lain untuk sama-sama menjalankan perniagaan menjual barangan komputer.

Saya ingin memulakan perniagaan menjual produk barangan komputer.

Encik Lim

Encik Fadli

Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan baru tersebut. [3 Markah]

1 (b)	H1	Perkongasian	1
	H2	Berkongsi kepakaran/pengalaman/pengetahuan	1
	H3	Memberi pendapat dalam menyelesaikan masalah	1
	H4	Bilangan rakan kongsi adalah antara dua hingga 20 orang	1
	H5	Mudah ditubuhkan/tiada banyak peraturan	1
	H6	Modal lebih besar/ Lebih banyak modal dapat dikumpulkan	1
[mana-mana 3H]			Max 3

(b) Maklumat berikut berkaitan bentuk pemilikan perniagaan.

Anis merupakan seorang pemilik restoran yang menjual pelbagai menu sarapan pagi. Sahabat baiknya Sara amat berminat untuk bekerjasama menguruskan restoran milik Anis. Mereka bersetuju untuk menukar nama perniagaan kepada Restoran Anissa.

Mengapakah Anis dan Sara memilih bentuk pemilikan perniagaan di atas?

[4 markah]

H1	Modal lebih besar	1
H2	Lebih banyak modal dapat dikumpul melalui rakan kongsi	1
H3	Restoran Anissa mudah ditubuhkan	1
H4	Tidak banyak peraturan yang perlu dipatuhi	1
H5	Anis dan Sara dapat berkongsi kepakaran	1
H6	Gabungan tenaga rakan kongsi dapat menambah pengetahuan dan pengalaman	1
		[Mak 4m]

PERBEZAAN SYARIKAT SDN BHD & SYARIKAT BHD

6 (a) Gambar 5 menunjukkan dua jenis milikan perniagaan.



Perniagaan A



Perniagaan B

Gambar 5

Bandingkan bentuk pemilikan perniagaan di atas. [6 markah]

6 (a) **Perbandingan pemilikan perniagaan**
Persamaan

H1	Didaftarkan di SSM / tertakluk di bawah Akta Syarikat 1965 / 2016	1
H2	Pemilik saham mengundi untuk melantik Lembaga Pengarah / tanggungjawab pengurusan syarikat diuruskan Lembaga Pengarah	1
H3	Pemilik saham menanggung liabiliti terhad	1
H4	Hayat syarikat berkekalan	1
H5	Keuntungan dikenakan cukai syarikat	1
H6	Ahli minima satu orang	1
H7	Terima lain-lain yang munasabah	1
		[Mak: 2 m]

Perbezaan

Perniagaan A	Perniagaan B	
Bilangan maksimum ahli 50 orang	Tiada had maksimum bilangan ahli	1+1
Ada perkataan Sendirian Berhad (Sdn.Bhd) di hujung nama syarikat	Ada perkataan Berhad (Bhd) di hujung nama syarikat	1+1
Laporan kewangan tidak perlu disebarikan kepada orang ramai	Laporan kewangan wajib disebarikan kepada orang ramai	1+1
Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan lembaga pengarah	Syer bebas dijual beli di bursa saham / Bursa Malaysia	1+1
Contoh Percetakan P&R Sdn Bhd	Contoh Berjaya Land Berhad	1+1

CIRI-CIRI SYARIKAT BERHAD

(a) Jelaskan ciri utama perkongsian dalam bentuk perniagaan.

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.


Syarikat Kejora Berhad	
Produk	Pengeluar bekas tin untuk makanan, cat dan bahan kimia
Jumlah pekerja	250 orang pekerja tetap
Jumlah jualan tahunan	RM 51 juta
Pasaran	Seluruh Malaysia, Brunei dan Singapura

(i) Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan tersebut ? [3 markah]

Bentuk pemilikan perniagaan tersebut ialah :	
H1 Syarikat Berhad	1
H2 Bilangan ahli yang dibenarkan adalah antara satu / dua hingga tiada had maksimum	1
H3 Saham boleh diurusniagakan di Bursa Malaysia	1
H4 Pemegang saham asal menanggung risiko kehilangan kawalan atas syarikatnya jika terdapat pembelian saham yang lebih besar	1
	[Mak 3 m]

KELEBIHAN FRANCAIS KEPADA FRANCAISI

c) Rajah 1 berikut berkaitan dengan satu bentuk perniagaan.



Rajah 1

Jelaskan kelebihan bentuk perniagaan tersebut kepada pihak X.

[3 markah]

c) **Kelebihan bentuk perniagaan tersebut kepada X**

H1	Bentuk perniagaan Francais	1
H2	X ialah francaisi	1
H3	Memiliki / menjalankan perniagaan yang sistematik	1
H4	Reka bentuk yang seragam / jenama terkenal	1
H5	Sokongan pengurusan daripada francaisor / risiko kegagalan rendah	1
H6	Jaringan perniagaan lebih luas	1
H7	Tidak perlu banyak pengalaman	1

[Mak:3 m]

KLASIFIKASI PERNIAGAAN (SAIZ & SEKTOR PERNIAGAAN)

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Encik Remy adalah seorang pengusaha kilang perabot kayu jati di Sungai Buloh, Selangor. Beliau menggaji seramai 20 orang pekerja tetap di kilangnya. Hasil jualan tahunan syarikatnya adalah sebanyak RM850 000.

Terangkan klasifikasi perniagaan tersebut.

[4 markah]

1 (b)		Klasifikasi perniagaan En.Remy mengikut saiz dan sektor.	
	F1	Saiz perniagaan kecil	1
	H1a	Menggaji seramai 20 orang/jumlah pekerja tetap antara 5 orang hingga kurang 75 orang	1
	H1b	Hasil jualan sebanyak RM850 000/ Jumlah jualan tahunan RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta	1
	F2	Sektor kedua/ sekunder	1
	H2a	Aktiviti memproses bahan mentah menjadi barang siap/ separuh siap	1
	H2b	Perkilangan/kilang perabot kayu jati	
		2F+ 2H Maks	4 m
		Penalti 1 markah jika jawapan tidak mengikut situasi	

- 2 (a) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Rosli, pengusaha kilang sos cili.

Encik Rosli adalah seorang pengusaha kilang sos cili di Pasir Mas, Kelantan. Beliau menghasilkan pelbagai jenis sos cili yang diedarkan melalui pemborong. Beliau menggaji 20 pekerja tetap di kilangnya. Pada mulanya, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM800 000.

Terangkan klasifikasi perniagaan tersebut.

[4 markah]

- 2 (a) Klasifikasi perniagaan Encik Rosli

H1	Saiz perniagaan kecil	1
H1a	Menggaji seramai 20 orang pekerj/hasil jualan tahunan sebanyak RM800 000	1
H2	Sektor kedua/sekunder	1
H2a	Memproses bahan mentah menjadi produk siap	1
H2b	Perkilangan/ kilang sos cili	1
		[Mak. 4 m]

KELEBIHAN PERNIAGAAN BERSAIZ KECIL

(c) Nyatakan **tiga** kelebihan perniagaan bersaiz kecil.

[3 markah]

c)	H1 Kos Overhed yang rendah	1
	H2 Dapat menyelesaikan masalah pelanggan dengan cepat	1
	H3 Mudah diuruskan dan fleksibel	1
	H4 Kos upah rendah	1
		Mak [3m]

SEKTOR TERTIER / KETIGA (PERKHIDMATAN)

(c) Logo 1 berkaitan dengan sektor perniagaan.



Logo 1

Huraikan sektor tersebut.

[3 markah]

1(c)	F	Sektor tertier / ketiga	1
	H1	Sektor perkhidmatan / perkhidmatan awam	1
	H2	Kos perkhidmatan rendah / murah	1
	C	Hospital / Klinik Kesihatan / contoh pekerjaan yang sesuai berkaitan logo	1
		Terima 1F + 1H + 1C	[Mak. 3 m]

SKALA PERNIAGAAN (PASARAN DOMESTIK)

5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Roti Paung Azah.

Kedai Roti Paung Azah telah terkenal di daerah Kulim Bandar Baru, Kedah. Rotinya telah dipasarkan ke negeri Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

Jelaskan skala perniagaan tersebut.

[3 markah]

5(a)	Skala perniagaan terlibat ialah	
	H1 Domestik	1
	H2 Perniagaan berskala kebangsaan	1
	H3 Meliputi pasaran di seluruh negara/Pulau Pinang/Perlis/Perak	1
	H4 Membolehkan peniaga menikmati ekonomi bidangan	1
	H5 Mampu membeli stok dalam kuantiti yang lebih besar	1
	Nota: Terima mana-mana 3H (Penalti 1 markah jika tiada perkaitan dengan situasi)	[Mak. 3m]

BAB 2 : TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

PERANAN KERAJAAN PUSAT (ASPEK PERUNDANGAN)

2. a) Di Malaysia, di bawah kerajaan negeri, terdapat kerajaan tempatan yang berperanan menguruskan hal ehwal tempatan.

i. Nyatakan peranan kerajaan pusat dari aspek perundangan. [2 markah]

2(a)i.	Peranan kerajaan pusat dari aspek perundangan	
	H1 Penggubalan undang-undang	1
	H2 Perlindungan pengguna	1
	H3 Pelepasan cukai	1
		Maks 2m

PERANAN KERAJAAN PUSAT (ASPEK PERUNDANGAN - PERLINDUNGAN PENGGUNA)

3 (a) Mengapakah kerajaan menggubal undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna? [4 markah]

3	(a)	Undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna	
		H1 Melindungi pengguna dari tindakan tidak sihat peniaga	1
		H2 Mengelirukan pengguna dalam kualiti / kuantiti / harga / contoh	1
		H3 Menjamin keselamatan pengguna dalam aspek makanan / ubat-ubatan / perkhidmatan tidak selamat / cth aspek keselamatan	1
		H4 Melindungi kesihatan pengguna dari tindakan perniagaan yang mengancam kesihatan / cth	1
		H5 Memastikan pengguna mendapat ganti rugi / pampasan / ganti barang baharu / baiki / pulang balik wang / cth	1
		H6 dalam tempoh waranti / jaminan / tidak menerima barang sebagaimana dijanjikan oleh peniaga	1
		H7 Melindungi pengguna mendapat alam sekitar yang bersih	1
		H8 Mencemarkan alam sekitar / udara / air / bunyi / tanah	1
		H9 Contoh Akta Perihal Dagangan 1972 / Akta Kawalan Harga 1946 / Akta Sewa Beli 1967/ Akta Timbang Sukat 1972/ Akta Mutu Alam Sekitar 1974 / Akta Perlindungan Pengguna 1999.	1
			Maks 4 m1

(c) Jelaskan peranan kerajaan dalam aspek perlindungan pengguna.

[3 markah]

1(c)	Peranan kerajaan dalam aspek perlindungan pengguna :	
	H1 Mengelakkan pengguna tidak ditindas/amalan perniagaan yang tidak sihat oleh peniaga	1
	H1a Kualiti/harga barang mengelirukan	1
	H2 Keselamatan pengguna	1
	H2a Dalam aspek makanan / ubat-ubatan /segala amalan yang tidak selamat	1
	H3 Kesihatan pengguna	1
	H3a Melindungi pengguna daripada ancaman kesihatan	1
	H4 Hak pengguna dapat ganti rugi	1
	H4a Sekiranya pengguna tidak terima barang / perkhidmatan seperti yang dijanjikan	1
	H5 Hak pengguna mendapat alam sekitar yang bersih	1
	H5a Pencemaran udara /air /bunyi /tanah	1
	Nota : Terima mana-mana 3H	[Mak. 3]

PERANAN KERAJAAN PUSAT (ASPEK PERUNDANGAN - PELEPASAN CUKAI)

(b) Jelaskan jenis pelepasan cukai yang diberi oleh kerajaan usahawan . [6 markah]

(b) Jenis pelepasan cukai

H1	Taraf perintis	1
H1a	Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan	1
H1b	Syarikat dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun	1
H2	Elaun cukai pelaburan	1
H2a	Pelepasan cukai daripada pelaburan modal/diberikan kepada perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)	1
H2b	Berasaskan bahan mentah tempatan	1
H3	Potongan cukai	1
H3a	Diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan/dengan kadar potongan bergantung pada jenis perbelanjaan terlibat	1
H4	Pengecualian cukai	1
H4a	Diberikan kepada syarikat berstatus MSC/terlibat dalam industri teknologi tinggi	1
H4b	Perbelanjaan mendapat pengecualian cukai ialah penyelidikan pasaran eksport/pameran/pengiklanan di luar negara	1
H5	Elaun pelaburan semula	1
H5a	Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan pengeluaran makanan/pembinaan jalan/pembukaan tanah untuk pembelian aset modal	1
H5b	Pendapatan syarikat dilabur semula untuk pembelian aset	1

[Mak. 6 m]

2. (a) Jelaskan jenis pelepasan cukai taraf perintis.

[3 markah]

H1	Diberikan kepada syarikat	1
H2	Yang menyertai promosi oleh kerajaan	1
H3	Dikecualikan pembayaran cukai selama 5 tahun	1
H4	Insentif bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986	1
H5	Pengecualian cukai ke atas pendapatan	1
H6	Tidak boleh dinikmati bersama galakan lain	1
H7	Aktiviti/bidang yang digalakkan oleh kerajaan	1
		[Mak 3m]

INFLASI

2. Maklumat berikut berkaitan situasi ekonomi di Malaysia

Kadar Inflasi Ogos 2022 di Malaysia kini 4.7%

Putrajaya 23 Sept – Malaysia mencatatkan peningkatan kadar inflasi pada bulan Ogos iaitu 4.7% berbanding Julai iaitu sebanyak 4.4.%. Kadar inflasi masih tinggi berikutan fenomena global yang turut dialami oleh kebanyakan negara disebabkan input pengeluaran dan harga bahan api.

Sumber: Diubah dagangnews.com, 22 Sep 2022

(a) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya situasi tersebut. [4 markah]

(b) Bagaimanakah pihak kerajaan mengatasi masalah tersebut? [6 markah]

2a	(a)	- Permintaan barang/ perkhidmatan melebihi jumlah barang/ perkhidmatan di pasaran / DD melebihi /SS/ inflasi tarikan permintaan - Kurang bekalan/ bahan mentah/ pengeluaran terhad - Kenaikan kos pengeluar/ inflasi tolakan kos - Kos upah/ pengangkutan/ import/ bahan api meningkat - Kejatuhan nilai matawang - Harga barang meningkat - Kuasa beli menurun	1 1 1 1 1 1 1 [4m]
	(b)	- Dasar fiskal - Dasar kewangan - Menaikan cukai pendapatan individu - Pendapatan boleh guna individu jatuh/ permintaan menurun - Meningkatkan cukai import / eksport/ eksais - Bank pusat mengurangkan bekalan wang di pasaran/ kadar rizab berkanun/ rizab tunai dinaikan - Meningkatkan kadar faedah pinjaman bank/ syarat pembiayaan diketatkan - Pengguna/ individu boleh membuat simpanan - Melaksanakan dasar galakan pelaburan/ meningkatkan kadar pengeluaran - Pengeluar diberi subsidi	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6m]

(b) Maklumat berikut berkaitan situasi ekonomi semasa di Malaysia.

SHAH ALAM - Penganalisis meramalkan gelombang peningkatan harga barangan termasuk makanan di negara ini dijangka berterusan sehingga awal tahun hadapan. Keadaan ini mendesak agar kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sumber diubah suai daripada <https://www.hmetro.com.my/agro> 08 Julai 2022

(i) Apakah situasi ekonomi yang berlaku? [1 markah]

(ii) Jelaskan tindakan kerajaan bagi mengatasi situasi tersebut. [4 markah]

2(b)(i)	F	Inflasi	[1 m]
2(b)(ii)	H1	Melaksanakan dasar fiskal	1
	H1a	Meningkatkan kadar cukai	1
	H2	Memberi subsidi kepada pengeluar / meningkatkan perbelanjaan kerajaan	1
	H3	Melaksanakan dasar kewangan	1
	H3a	Meningkatkan kadar faedah simpanan	1
	H3b	Menggalakkan pengguna menyimpan / menabung	1
	H3c	Meningkatkan kadar faedah pinjaman / mengetatkan syarat pinjaman	1
			[Mak. 4 m]

TREND PERSEKITARAN PERNIAGAAN

2. (a) Terangkan **dua** trend persekitaran perniagaan.

[4 markah]

(a)	Dua trend persekitaran perniagaan	
F1	Trend meningkat	1
H1	Aktiviti dan operasi semakin meningkat	1
H2	Organisasi dapat memacu perkembangan perniagaan	1
H3	Pengeluaran meningkat	1
F2	Trend Menurun	1
H1	Aktiviti dan operasi perniagaan semakin menurun	1
H2	Perniagaan semakin merosot	1
H3	Pengeluaran terjejas	1
F3	Trend Mendatar	1
H1	Keadaan konsisten dalam perniagaan	1
H2	Perkembangan perniagaan malar	1
H3	Perlu mencari pasaran baharu	
	PILIH MANA-MANA DUA TREND	Maks 4 markah

(b) Huraikan faktor dalaman yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan


[6 markah]

2 (b)	i) Gaya pengurusan	1
	Teknik mengurus perniagaan/ gaya pengurusan laissez-faire/ gaya pengurusan sokongan/ gaya pengurusan sederhana/ gaya pengurusan autokratik/ gaya pengurusan demokratik	1
	ii) Sumber manusia	1
	Fungsi perniagaan yang memberi fokus kepada keperluan tenaga kerja semasa termasuk pengurusan pembahagian kerja dan menambah baik tenaga kerja sedia ada/ sumber manusia dalaman/ sumber manusia luaran	1
	iii) Pemasaran	1
	Sistem aktiviti sesebuah perniagaan yang dibentuk dalam merancang dan melaksanakan strategi produk, penentuan harga, promosi dan pengedaran barang atau perkhidmatan	1

iv)	Pengeluaran	1
	Proses menghasilkan barang atau perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia yang tidak terhad	1
v)	Kewangan	1
	Struktur kewangan perniagaan/ sumber pendapatan	1
vi)	Teknologi Maklumat	1
	Perkembangan teknologi yang berkembang mengubah cara komunikasi perniagaan dengan pihak luar	1
vii)	Penyelidikan dan pembangunan	1
	Aktiviti kreatif dan inovatif yang dijalankan secara sistematik bagi meningkatkan pengetahuan dan hasil sedia ada kepada pembangunan dan penciptaan produk baharu yang bermanfaat	1
Mana-mana 3 faktor dalam		

TREND PERSEKITARAN PERNIAGAAN (MENINGKAT)

- (c) Rajah 1 menunjukkan perubahan tingkat jualan yang berlaku kepada Syarikat Smentari Sdn Bhd mengeluarkan produk minuman kesihatan.



Jelaskan faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perubahan trend persekitaran perniagaan tersebut.

[4 markah]

H1	Trend Meningkat	1 [Mak 1m]
H1	Politik yang stabil	1
H2	Ekonomi yang berkembang pesat	1
H3	Teknologi yang terkini/canggih	1
H4	Sosiobudaya yang diamalkan oleh penduduk yang suka menjaga kesihatan	1
H5	Undang-undang yang melindungi pengguna	1
H6	Ekologi yang memberi kesan yang kepada industri makanan	1
		[Mak 3m]

TREND PERSEKITARAN PERNIAGAAN (MENURUN)

2. (a) Gambar 2 merupakan gambaran trend persekitaran sebuah perniagaan.



Gambar 2

- (i) Apakah trend persekitaran tersebut? [1 markah]

- (ii) Nyatakan faktor dalaman yang menyebabkan berlakunya situasi di 2(a)(i).

[5 markah]

F1 – Trend menurun	1
	1m
H1 – Gaya pengurusan yang tidak bersesuaian dengan keadaan pekerja	1
H2 – Sumber manusia yang kurang produktif	1
H3 – Aktiviti pemasaran yang kurang berkesan	1
H4 – Pengeluaran yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan	1
H5 – Tiada teknologi maklumat dan penyelidikan	1
	5m

FAKTOR DALAMAN (SUMBER MANUSIA)

- b) Terangkan **dua** kelebihan pengambilan sumber manusia luaran.

[4 markah]

2 (b)	Kelebihan pengambilan sumber manusia luaran:	
	F1 Melahirkan idea baharu	1m
	H1 Pekerja baharu akan membawa diea baharu	1m
	F2 Kemahiran baharu	1m
	H1 Pekerja baharu mempunyai kemahiran baru dan terkini	1m
	F3 Semangat	1m
	H1 Pekerja baharu akan mempunyai semangat yang berkobar-kobar untuk menjalankan tugas	1m
		Maks: 4m

FAKTOR DALAMAN (GAYA PENGURUSAN)

3 (a)	Jelaskan gaya pengurusan:	
(i)	Laissez-faire	[2 markah]
(ii)	Demokratik	[2 markah]

3 (a) Gaya pengurusan:

(i) Laissez-faire

H1 Majikan terlalu memberi ruang/ kebebasan kepada pekerja 1

H2 Mewujudkan masalah tingkah laku pekerja yang sukar dikawal/contoh yang sesuai 1

H3 Organisasi gagal mencapai matlamat yang ditetapkan 1

[Mak. 2 m]

(ii) Demokratik

H1 Majikan mengamalkan toleransi/ hubungan baik dengan pekerja 1

H2 Berjaya mempengaruhi pekerja terus berusaha/contoh yang sesuai 1

H3 Dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan 1

[Mak. 2 m]

- 2 (a) Situasi berikut berkaitan dengan jenis gaya pengurusan.

Situasi I	Encik Hadi membenarkan pekerjaanya keluar masuk premis mengikut sesuka hati mereka tanpa dikenakan apa-apa tindakan.
Situasi II	Puan Jeslina menegaskan semua pekerja tidak dibenarkan mengambil cuti sepanjang bulan Mei ini kerana belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

Jelaskan gaya pengurusan berikut :

(i) Situasi I

(ii) Situasi II

[2 markah]

[2 markah]

Situasi I :		
F1	Gaya pengurusan <i>laissez-faire</i>	1
H1	Majikan terlalu memberi ruang / kebebasan kepada pekerja / pekerja keluar masuk sesuka hati	1
H2	Wujud masalah tingkah laku pekerja	1
H3	Sukar dikawal	1
		[Mak 2 m]

Situasi II :		
F1	Gaya pengurusan autokratik	1
H1	Majikan yang tegas / pekerja tidak dibenarkan mengambil cuti	1
H2	Untuk mencapai matlamat yang ditetapkan	1
H3	Timbul ketidakpuasan hati pekerja	1
		[Mak 2 m]

- 3 a) Terangkan dua faktor yang tidak dapat dikawal oleh sesebuah organisasi perniagaan. Faktor ini boleh memberikan peluang dan ancaman kepada sesebuah perniagaan.

[4 markah]

3 (a)	F1	Faktor Politik	1
	H1	Perubahan politik dalam sesebuah negara boleh membawa kepada perubahan dasar	1
	H2	Kerajaan boleh meluluskan undang-undang yang membawa kesan positif atau negatif yang dihadapi oleh sesebuah perniagaan	1
	F2	Faktor Ekonomi	1
	H1	Faktor ekonomi boleh mempengaruhi kuasa beli dan perbelanjaan pengguna.	1
	H2	Jika keadaan ekonomi negara berada dalam keadaan baik, maka prestasi juga menjadi baik	1
	F3	Faktor Sosiobudaya	1
	H1	Cara hidup pengguna mempengaruhi tingkah laku pembelian.	1
	H2	Hal ini mempengaruhi permintaan ke atas sesuatu barang yang	1
	F4	Faktor Teknologi	1
	H1	Perkembangan teknologi membolehkan syarikat mengeluarkan dan memasarkan barang dan perkhidmatan yang berkualiti.	1
	H2	Syarikat juga dapat mengedarkan barang ke pasaran dengan lebih	1
	F5	Faktor Undang-undang	1
	H1	Terdapat pelbagai undang-undang dan peraturan perniagaan untuk	1
	H2	melindungi peniaga dan pengguna.	1
	F6	Berkaitan isu berkaitan dengan alam sekitar yang boleh membawa	1
	H1	kesan terhadap sesebuah perniagaan/syarikat.	1
	H2	Sumber semulajadi yang semakin berkurangan menjadi salah satu	1
(F+H)			Max 4

- (c) “Analisis SWOT membantu usahawan mengenal pasti faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan yang positif.”
Jelaskan. [2 markah]

2(c)	H1	Kedaaan ekonomi yang berkembang	1
	H2	Kepelbagaian sosiobudaya dalam negara	1
	H3	Penggunaan teknologi yang terkini/canggih	1
	H4	Undang-undang yang adil/melindungi semua pihak	1
	H5	Ekologi yang mampan/alam sekitar yang bersih/tidak tercemar	1
	H6	Politik yang stabil	1
Nota; Jawapan calon perlu menunjukkan penjelasan yang positif.			[Mak. 2 m]

CIRI-CIRI OBJEKTIF PERNIAGAAN (SMART)

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan objektif sebuah perniagaan pakaian.

- Menjual 10 000 helai pakaian sebulan
- Memastikan pakaian yang ditawarkan menggunakan kain berkuliti, selesa dan selamat untuk bayi
- Memudahkan pembelian secara bersemuka di cawangan kedai kami atau secara dalam talian.

Terangkan ciri-ciri objektif perniagaan tersebut.


[4 markah]

Ciri-ciri objektif perniagaan pakaian tersebut ialah:	
F1 Spesifik	1
H1 Menjual 10 000 helai pakaian	1
F2 Boleh diukur	1
H2 Menjual 10 000 helai pakaian dalam sebulan / menggunakan kain berkualiti dalam pembuatan pakaian	1
F3 Boleh dicapai	1
H3 Penjualan 10 000 helai sebulan boleh dicapai dalam sebulan menggunakan kaedah jualan di kedai dan atas talian	1
F4 Munasabah	1
H4a Mempunyai kepakaran/ pekerja mahir dalam penentuan kain/fabrik berkualiti untuk pakaian bayi / mempunyai masa yang cukup untuk mencapai sasaran jualan	1
F5 Jangka masa	1
H5 Mampu mencapai jualan 10 000 helai dalam masa ditetapkan	1
Terima mana- mana 2F + 2H	Mak. 4m

TITIK PULANG MODAL (TPM)

b) Lakarkan graf Titik Pulang Modal (TPM).

(4 markah)



(b) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan FD Gemilang.


Perniagaan FD Gemilang mengeluarkan jus minuman jenama Power. Perniagaan ini mempunyai kos tetap sebanyak RM100 000. Harga jualan seunit jus minuman yang dikenakan adalah sebanyak RM10 dan kos berubah seunit yang ditanggung sebanyak RM6.

(i) Hitungkan titik pulang modal (TPM).

[3 markah]

Titik pulang modal (TPM) :		
H1	TPM = $\frac{\text{Kos tetap}}{\text{Harga jualan seunit} - \text{kos berubah seunit}}$	1
H2	$= \frac{\text{RM100 000}}{\text{RM10} - \text{RM6}}$	1
H3	$= 25\,000 \text{ unit}$	1
Jawapan tanpa pengiraan 1 markah sahaja		[Mak 3 m]

3. (a) Rajah 1 menunjukkan titik pulang modal sebuah perniagaan barangan plastik.



Rajah 1

Apakah P dan Q ?


[2 markah]

- (b) Jelaskan kawasan Z

[4 markah]

	Apakah P dan Q ?	
F1	P : Jumlah kos	1
F2	Q : Kos tetap	1
		[Mak 2m]
	Jelaskan kawasan Z.	
H1	Mendapat keuntungan	1
H2	Unit pengeluaran melebihi 400 unit / jumlah kos melebihi RM 5 000	1
H3	Jumlah hasil melebihi jumlah kos	1
H4	Tingkat kecekapan tinggi	1
H5	Kos seunit pengeluaran rendah	1
H6	Menikmati ekonomi bidangan	1
H7	Produktiviti meningkat	1
		[Mak 4m]

(b) Rajah menunjukkan titik pulang modal Perniagaan Pastri Mantap yang beroperasi di My Town, Kuala Lumpur.




- (i) Apakah X dan Y? [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan kepada Perniagaan Pastri Sedap sekiranya pengeluaran pastri berada di kawasan berlorek [4 markah]

3 (b) (i)	X = Kos Berubah Y = Kos Tetap	1 1 Maks 2m
(ii)	kesan kepada Perniagaan Pastri Sedap sekiranya pengeluaran pastri berada di kawasan berlorek	

H1 Memperoleh keuntungan	1
H2 Unit pengeluaran melebihi 500 unit / jumlah kos melebihi RM3000	1
H3 Tingkat kecekapan perniagaan tinggi	1
H4 Kos seunit pengeluaran rendah	1
H5 Menikmati ekonomi bidangan	1
H6 Produktiviti meningkat	1
H7 Jumlah hasil melebihi jumlah kos	1
	Max 4M

- (b) Rajah 1 menunjukkan graf titik pulang modal bagi sebuah syarikat pengeluaran kasut sukan.




Rajah 1

- (i) Bagaimanakah usahawan membuat analisis operasi kewangan berdasarkan graf tersebut? [3 markah]
- (ii) Dengan menggunakan graf yang sama, lorekkan kawasan untung sekiranya syarikat mengeluarkan kasut sukan 400 unit melebihi titik pulang modal. [2 markah]

5(b)(i)	H1	TPM dicapai apabila jumlah hasil sama dengan jumlah kos/pada titik persilangan X	1
	H2	TPM menunjukkan tiada sebarang keuntungan/kerugian dalam perniagaan/balik modal	1
	H3	TPM berlaku pada keluaran kasut sebanyak 8500 unit/RM212 500	1
	H4	TPM menjelaskan tentang tahap minimum jualan yang perlu diperolehi supaya perniagaan tidak rugi	1
			[Mak. 3 m]
5(b)(ii)			[2 m]

BAHAGIAN FUNGSIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (TMK)

b) Gambar 4 menunjukkan aktiviti yang dijalankan dalam suatu bahagian fungsian.



Gambar 4

- i) Apakah bahagian fungsian yang berperanan menjalankan aktiviti di atas? [1 markah]
- ii) Terangkan **dua** tujuan bahagian fungsian di atas. [4 markah]

3 (b) (i)	F1	Fungsian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	1m
3 (b) (ii)	tujuan	bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	
	F1	Operasi organisasi lebih efektif dan efisien.	1
	H1	Melalui penggunaan sistem teknologi/pengkomputeran/ perisian terkini.	1
	F2	Memudahkan komunikasi dalaman dan luaran	1
	H2	Aktiviti perniagaan seperti jual beli (e-dagang) / mendapatkan sumber perolehan(e-perolehan) /serta mempromosikan produk (e-pemasaran) dapat digunakan	1
	F3	Menyimpan maklumat dan data perniagaan	1
	H3a	Segala maklumat penting /seperti sumber manusia / kewangan / pembekalan / penjualan / pembelian / perolehan dll dapat disimpan.	1
	H3b	Memudahkan pihak pentadbiran mengakses data jika diperlukan.	1
	F4	Mempercepat urus niaga	1
	H4a	Mempercepat urus niaga antara penjual dan pembeli	1
	H4b	Meningkatkan keuntungan	1
			Max 4m

BAHAGIAN FUNGSIAN JUALAN

(b) Senaraikan tujuan bagi bahagian fungsian jualan.

[4 markah]

F1 – Memastikan jumlah sasaran jualan yang telah ditetapkan tercapai	1
F2 – Mengetahui / memahami undang-undang yang melindungi pengguna	1
F3 – Memahami jenis perniagaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan	1
F4 – Menjawab pelbagai soalan daripada pengguna	1
F5 – Mempengaruhi pengguna untuk membeli	1
<i>Maksimum</i>	4 m

(c) Gambar 1 berkaitan dengan bahagian fungsian dalam perniagaan.



Gambar 1

(i) Apakah bahagian fungsian tersebut?

[1 markah]

(ii) Jelaskan peranan bahagian fungsian di 2(c)(i).

[3 markah]

2 (c) (i)	F Bahagian Fungsian Jualan	[1m]
2 (c)(ii)	Peranan Bahagian Fungsian Jualan:	
	H1 Menjawab pertanyaan pelanggan berkaitan dengan barang/kereta /model/spesifikasi/kualiti yang dijual.	1
	H2 Membuat jualan secara bersemuka/dalam talian	1
	H3 Menyediakan sebut harga/jangkaan harga barang yang dikehendaki oleh pengguna/pelanggan	1
	H4 Melakukan rundingan/perbincangan berkaitan dengan diskaun/terma jual beli	1
	H5 Memberi nasihat teknikal kepada pengguna	1
	H6 Merancang/mengurus masa yang bersesuaian untuk promosi jualan	1
	H7 Menyemak/mengemas kini rekod pengguna/mudah untuk menghubungi pengguna	1
	Nota : Terima mana-mana 3H (Penalti 1 markah jika tiada berkaitan dengan situasi)	[Mak. 3m]

BAHAGIAN FUNGSIAN PENGAGIHAN

c)	Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian peniagaan.	
	Kilang Kicap Abe Ku telah menerima aduan dari pelanggannya berkaitan masalah kehabisan stok. Ini disebabkan oleh kelewatan penerimaan stok daripada kilang tersebut.	
	Jelaskan bahagian fungsian yang bertindak menguruskan proses ini.	[3 markah]

3 (c)	H1 Bahagian fungsian pengagihan	1
	H2 Memastikan setiap barang yang dikeluarkan dapat diterima oleh pengguna mengikut tempat dan masa yang betul	1
	H3 Memastikan pemilihan setiap saluran agihan yang bersesuaian dengan jenis barang yang hendak dipasarkan	1
	H4 Memastikan pengangkutan yang digunakan juga bersesuaian dengan barang yang hendak diagihkan	1
	H5 Dapat mengelakkan pembaziran masa dan kos	1
		Max 3

BAHAGIAN FUNGSIAN PEMBELIAN

(b)	Syarikat TOJWS Bhd merupakan syarikat terlibat dalam perniagaan pembuatan botol air di Malaysia	
	Jelaskan peranan bahagian fungsian Syarikat TOJWS Bhd	
(i)	Bahagian fungsian pembelian	[3 markah]

3(b)(i)	Peranan bahagian fungsian pembelian Syarikat TOJWS ialah:	1
	• Mencari pembekal bahan mentah botol air	1
	• Menerima sebut harga dari pembekal bahan mentah botol air	1

(b) Dialog berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam sebuah perniagaan.



Apakah bahagian fungsian yang berkaitan dengan Arif? Jelaskan.

[4 markah]

3(b)	Bahagian fungsian pembelian	[1 m]
H1	Menentukan kuantiti / spesifikasi bahan mentah yang dibeli / tepat / berkualiti	1
H2	Memastikan bahan mentah diterima sama dengan pesanan / tepat pada masa / lokasi yang ditentukan	1
H3	Menentukan pemilihan / menilai pembekal yang sesuai	1
H4	Menerima tempahan daripada pengurus jualan	1
H5	Mendapatkan sebut harga daripada banyak pembekal	1
H6	Membuat pesanan belian bahan mentah yang telah dikenalpasti	1
		[Mak. 3 m]
	Nota: <i>Optional Penalty (OP)</i> – Jawapan calon perlu merujuk kepada situasi. Jika calon tidak mengaitkan jawapan dengan situasi, tolak 1 markah.	

b) Jelaskan tatacara yang terlibat dalam proses pembelian barang yang dilaksanakan oleh bahagian fungsian pembelian.

[4 markah]

(b)	H1 Menerima tempahan belian daripada pengurus jualan	1
	H2 Mencari pembekal yang sesuai	1
	H3 Menerima sebut harga daripada pembekal	1
	H4 Menilai pembekal	1
	H5 Membuat pesanan pembelian	1
	H6 Penerimaan barang daripada pembekal	1
		Mak [4m]

LANGKAH-LANGKAH PEMBANGUNAN PRODUK BAHARU

(b) Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam pembangunan produk baharu dari segi:


- | | | |
|-------|--------------------|------------|
| (i) | Penjanaan idea | [2 markah] |
| (ii) | Penyaringan idea | [2 markah] |
| (iii) | Pembangunan produk | [2 markah] |

(b)	(i)	H1- proses memenuhi keperluan pasaran	1
		H2- cari idea-idea produk baharu menggunakan sumber yang ada (dalaman/luaran) #contoh sumber diterima	1 Maks 2
(ii)		H1- kaji idea-idea produk baharu untuk dipilih	1
		H2- gugurkan idea-idea yang kurang berpotensi	1 Maks 2
(iii)		H1- proses mereka bentuk produk daripada idea	1
		H2- proses pembuatan produk prototaip	1 Maks 2

- (b) Jelaskan langkah-langkah pembangunan produk baru berikut :
- | | | |
|------|----------------|------------|
| (i) | Penjanaan idea | [2 markah] |
| (ii) | Komersialisasi | [2 markah] |

(i)	H1	Proses bagi memenuhi keperluan pasaran	1
	H2	Idea produk baharu	1
	H3	Idea dijana secara sistematik/pelbagai	1
	H4	Berdasarkan sumber dalaman/luaran	1 [2 m]
(ii)	H5	Keputusan untuk memasarkan produk	1
	H6	Dimana/bila/siapa/bagaimana promosi dilakukan	1
	H7	Produk boleh dipasarkan	1
	H8	Diterima pelanggan	1 [2m]
			[Mak 4m]

(b) Rajah 1 menunjukkan langkah-langkah pembangunan produk baharu.




Rajah 1

Jelaskan X.

[4 markah]

H1 – Pembangunan produk dan pengujian konsep	1
H2 – Melibatkan pembangunan idea / idea produk yang berpotensi untuk ditawarkan	1
H3 – Proses menguji konsep baharu produk dengan kumpulan-kumpulan pengguna sasaran	1
H4 – Mengetahui konsep tersebut berjaya menarik perhatian atau tidak	1

(b) Rajah berikut merupakan sebahagian langkah-langkah dalam Pembangunan Produk Baharu.



Jelaskan P dan Q. [6 markah]

Langkah-langkah dalam Pembangunan Produk Baharu

H1	Pembangunan Strategi Pemasaran	1
H1a	Menentukan sasaran pasaran/sasaran pelanggan	1
H1b	Posisi produk dirancang/kekuatan/kelebihan produk	1
H1c	Melibatkan strategi campuran pemasaran/ strategi harga/ produk/ pengagihan/promosi	1
H1d	Meningkatkan jualan/mencapai keuntungan/menguasai syer pasaran	1
H2	Komersialisasi	1
H2a	Proses pembuatan keputusan berkaitan pemasaran produk baharu	1
H2b	Tempat hendak dipasarkan/lokasi	1
H2c	Bila/masa sesuai untuk dipasarkan	1
H2d	Menentukan siapa sasaran pasaran	1
H3e	Bagaimana/cara promosi dilakukan	1
		[Mak. 6 m]